



Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 13, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-88832511
Faks : 603-88886188

KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA INFLUENZA A (H1N1) 17 APRIL 2010

Sehingga jam 8:00 pagi pada 17 April 2010, Kementerian telah menerima sejumlah sepuluh (10) laporan kejadian kluster ILI daripada empat (4) buah negeri seperti di '**Lampiran 1**'.

Sementara itu, sehingga jam 5:30 petang 16 April 2010, jumlah terkumpul kes ILI yang masih dirawat di dalam wad di seluruh negara adalah sebanyak 525 kes. Daripada jumlah tersebut, 70 kes (13.3%) telah disahkan positif influenza A(H1N1), manakala 12 kes dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU), sepuluh (10) daripadanya mempunyai faktor-faktor risiko. Jumlah terkumpul kes H1N1 adalah 13,088. Tiada laporan kematian yang diterima semalam.

Kementerian Kesihatan ingin terus mengingatkan masyarakat bahawa penularan jangkitan Influenza A(H1N1) terus aktif di dalam komuniti. Masyarakat perlu sentiasa mengamalkan langkah-langkah pencegahan yang telah dihebahkan sebelum ini. Orang awam yang mempunyai faktor risiko seperti ibu hamil, menghadapi penyakit kronik seperti asma, diabetes, buah pinggang, jantung dan lain-lain, harus segera mendapatkan pelalian vaksin A(H1N1) di 104 fasiliti Kementerian seluruh Negara. Hasil pemantauan pemberian vaksinasi oleh Kementerian Kesihatan mendapati vaksin ini adalah selamat tanpa sebarang kesan sampingan yang serius. Maklumat lanjut berkenaan influenza A(H1N1) boleh didapati dengan melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan di <http://h1n1.moh.gov.my> atau menghubungi hotline Kementerian Kesihatan di talian 03-88810200/0300.

Sekian dan terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. HJ. MOHD. ISMAIL BIN MERICAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 17 April 2010

‘Lampiran 1’

Senarai Laporan Kejadian Kluster *Influenza-Like Illness* (ILI) Yang Diterima Oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, Sehingga 8:00 Pagi Pada 17 April 2010

Bil.	Institusi	Bil. terdedah	Bil. Kes ILI di dalam kluster	Keputusan Sampel Positif H1N1	Tindakan diambil
1	Sekolah Kebangsaan Leban Condong, Rompin, Pahang	660 orang	6 orang	Menunggu keputusan	Rawatan simtomatik diberi sebagai pesakit luar
2	Keluarga di Pandan Damai, Kuantan, Pahang	12 orang	4 orang	1 sampel positif H1N1	1 kes dimasukkan ke wad Hospital Tengku Ampuan Afzan, rawatan antiviral diberi kepada semua
3	MRSM Ayer Paabas, Alor Gajah, Melaka	811 orang	9 orang	Menunggu keputusan	Semua diberi rawatan antiviral sebagai pesakit luar
4	Keluarga di Kg. Tedong Darat, Merlimau, jasin, Melaka	5 orang	3 orang	1 sampel positif H1N1	Seorang dimasukkan ke wad, dua dirawat sebagai pesakit luar, semua diberi rawatan antiviral
5	Keluarga di Taman Desa Wira, Telok Panglima Garang, Selangor	10 orang	2 orang	2 sampel positif H1N1	Dimasukkan ke Hospital swasta di Klang Selangor, rawatan antiviral diberi kepada kedua-duanya
6	MRSM Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor, Selangor	832 orang	5 orang	Menunggu keputusan	Dua dimasukkan ke wad, tiga dirawat sebagai pesakit luar, semua diberi rawatan antiviral
7	Kem PLKN Warisan Melaka	911	9	Menunggu keputusan	Semua dirawat dengan antiviral sebagai pesakit luar
8	Rumah no. 12, Lintang Nau off Jln Tengku, Bandar Pelabuhan Klang, Selangor	5	2	2 sampel positif H1N1	Kedua-dua dirawat dengan antiviral di Hospital swasta di Klang
9	SMK Paloh Kluang, Johor	1546	4	Menunggu keputusan	Rawatan simtomatik diberi sebagai pesakit luar
10	Makmal Taska 1 Play 1 Learn, Damansara Perdana, Selangor	31	4	1 sampel positif H1N1	1 kes diberi rawatan antiviral sebagai pesakit luar